



SIARAN AKHBAR

Diterbitkan oleh Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia

REF. 7/91/38 (PL)

UCAPAN PERDANA MENTERI
Y.A.B. DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERASMIAN SONY ELECTRONICS (M) SDN BHD DAN
SONY MECHATRONICS PRODUCTS (M) SDN BHD
DI SEBERANG PERAI
PADA HARI SABTU, 20HB JULAI 1991
PUKUL 9.45 PAGI

Saya mengucapkan terima kasih kerana dijemput untuk merasmikan pembukaan Sony Electronics (M) Sdn. Bhd. (SEM) dan Sony Mechatronics Products (M) Sdn. Bhd. (SMM) di Seberang Perai hari ini.

2. Sony Corporation bukanlah asing kepada Malaysia. Sebenarnya, termasuk kedua-dua pelaburan ini, Sony telahpun mempunyai tujuh anak syarikatnya di Malaysia, yang kesemuanya melibatkan pelaburan modal berjumlah \$537 juta ringgit.

3. Sony telah lama ditubuhkan dan terkenal sebagai pembuat alat-alat audio dan video berkualiti tinggi. Jenama Sony diakui sebagai di antara jenama yang bertaraf tinggi dari segi mutu. Sebahagian besar alat audio yang terdapat di pasaran, terutama yang bermutu dan berharga tinggi memakai jenama Sony. Dengan demikian, adalah menjadi satu kebanggaan kepada Malaysia apabila Sony memilih untuk mendirikan off-shore manufacturing base bagi pelbagai keluarannya di negara ini.

4. Malaysia juga berbangga kerana pelaburan Sony di negara ini adalah yang kedua terbesar dalam Kumpulan Sony sedunia, hanya dibelakang pelaburannya di Amerika Syarikat.

5. Pelaburan Sony di Malaysia membuktikan kepercayaan syarikat ini terhadap kestabilan ekonomi dan suasana pelaburan yang positif di negara ini.

6. Industri pengeluaran alat audio yang memberi pekerjaan kepada lebih 25,000 pekerja, merupakan industri terpenting di Malaysia. Hasil eksport industri ini meningkat dari \$653.8 juta ringgit pada tahun 1986 kepada \$3.3 ribu juta ringgit pada tahun 1990. Industri ini juga telah mewujudkan banyak peluang bagi mengadakan "linkages" dengan sektor-sektor lain seperti plastic moulding, metal stamping, moulds and dies, packaging, labelling and transportation. Industri pengeluaran alat audio ini telah juga membantu meningkat dan meluaskan industri letronik di Malaysia,

products dikeluarkan. Ini memandangkan pertumbuhan masa depan industri ini ialah di sektor high end products.

11. Pada hari ini terdapat trend yang meningkat bagi penggunaan otomasi di dalam industri ini. Antara sebabnya ialah masalah kekurangan tenaga buruh. Syarikat yang lebih besar yang mempunyai pengeluaran yang besar sedang menggunakan insertion automatic soldering machine dan alat ujian berkomputer.

12. Industri pengeluaran audio di Malaysia seperti juga industri letronik yang lain, dikuasai oleh syarikat-syarikat dari Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan, Perancis, Hong Kong dan sedikit sebanyak dari Singapura. Syarikat-syarikat ini adalah anak-anak syarikat multinational seperti Sony, JVC, Sanyo, Sharp-Roxy, Philips, Grundig dan Thomson. Saya difahamkan Matsushita dan AIWA juga akan mengadakan operasinya tidak lama lagi.

13. Industri ini merupakan industri yang sangat kompetitif. Oleh itu, kualiti pengeluaran dan teknologi pengeluarannya perlu sentiasa dipertingkatkan melalui aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R & D). Harga jualan juga perlu kompetitif memandangkan persaingan yang hebat daripada pengeluar-pengeluar yang begitu banyak.

14. Kerajaan merasa gembira bahawa syarikat-syarikat Jepun sedang giat melabur di negara ini. Saya berterima kasih

daripada hanya ditumpukan kepada semiconductors kepada pengeluaran lebih banyak lagi barang-barang siap.

7. Kini industri pengeluaran audio sedang berkembang dengan pesat. Di akhir bulan Mei 1991, 89 syarikat telah diberi kelulusan untuk mengeluarkan berbagai jenis alat audio. Enam puluh daripada syarikat ini telah diberi status perintis, lapan diberi Elaun Cukai Pelaburan, sementara 21 yang lain diberi kelulusan tanpa galakan cukai.

8. Industri ini juga telah tumbuh dengan pesatnya dalam masa lima tahun yang lepas. Semenjak tahun 1986, sebanyak 61 syarikat telah diluluskan. Hampir semua syarikat ini adalah berorientasikan eksport.

9. Di bidang ekuiti pula, 60.7 peratus daripada 61 syarikat yang diluluskan semenjak tahun 1986 adalah kepunyaan asing sepenuhnya, 13.1 peratus kepunyaan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia, 9.8 peratus usahasama, sementara 16.4 peratus dikecualikan daripada sebarang syarat ekuiti. Setakat ini, 31 daripada 89 syarikat yang telah diluluskan telah beroperasi.

10. Berbagai jenis alat audio dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang beroperasi ini. Bagaimanapun, kebanyakannya adalah terdiri daripada lower and medium end products. Oleh itu, adalah perlu lebih banyak lagi high end

kerana syarikat-syarikat Jepun memberi sumbangan besar ke arah pembangunan industri di Malaysia. Sungguhpun begitu, lebih banyak lagi perlu dilakukan. Sebagai contoh, syarikat-syarikat Jepun patut berusaha dengan lebih giat lagi untuk mendapatkan bahagian dan alat komponen mereka daripada punca tempatan, terutama daripada syarikat-syarikat Malaysia. Kilang-kilang di Malaysia patut mencontohi Proton yang berusaha untuk mendapat kepakaran dan joint venture partner supaya syarikat tempatan mampu mengeluarkan komponen yang berkualiti. Dalam hal ini, saya rasa lebih banyak lagi syarikat yang beroperasi di Malaysia patut mencontohi syarikat-syarikat seperti Sony yang mana saya diberitahu telahpun mencapai 50 peratus penggunaan barangan tempatan dalam pengeluarannya. Ini adalah penting kerana ia akan menyumbang ke arah pembangunan industri sokongan yang kukuh dan viable dan seterusnya menjalin hubungan dan integrasi bawahan.

15. Syarikat-syarikat Jepun juga patut meningkatkan usaha untuk melaksanakan kegiatan R & D di negara ini. Pada masa ini aktiviti R & D ini sungguh kecil. Kerajaan sedang bersungguh-sungguh menggalakkan lebih banyak aktiviti R & D dan ke arah ini telah menawarkan insentif khas untuk R & D. Selain daripada insentif yang sedia ada seperti potongan dua kali terhadap perbelanjaan R & D yang telah diluluskan, insentif tambahan juga telah dicadangkan dalam Belanjawan 1991. Ini termasuk pengecualian cukai selama lima tahun dan membawa ke hadapan kerugian terkumpul yang dialami dalam

tempoh pengecualian cukai kepada tempoh selepas pengecualian cukai.

16. Saya difahamkan bahawa Sony Electronics dan Sony Mechatronics bercadang mewujudkan R & D termasuk rekaciptanya sendiri. Ini bukan sahaja akan menguntungkan Malaysia secara keseluruhannya tetapi ia juga akan meningkatkan competitive edge syarikat-syarikat ini dalam industri yang memang kompetitif.

17. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan kilang Sony Electronics (M) Sdn. Bhd dan Sony Mechatronics Products (M) Sdn. Bhd. dengan ucapan selamat maju jaya kepada kakitangan dan pengurusan kedua-dua syarikat ini.

Kuala Lumpur.

20hb. Julai, 1991

Jam: 10.30 pagi.

MMJ/lmm